

## **Universiti Kebangsaan Malaysia: pembinaan citra sebuah institusi kerajaan di Selangor**

**Mohd Yahya Mohamed Ariffin, PhD**  
**Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan**  
**Universiti Sains Islam Malaysia**  
**mohdyma@gmail.com**

### **ABSTRAK**

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah ditubuhkan pada 18 Mei 1970 di Negeri Selangor selepas Universiti Malaya (UM). Pelbagai cabaran telah dilalui selepas ditubuhkan dalam usaha untuk membuktikan bahawa sebuah universiti awam mampu bersaing walaupun menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Pada masa ini citranya sebagai antara universiti yang awal ditubuhkan dilihat semakin diakui dan diterima oleh masyarakat negara ini, bahkan di peringkat antarabangsa. Objektif makalah ini adalah untuk mengkaji peranan media massa dalam membantu membina citra UKM yang mungkin telah mempengaruhi pelajar untuk memilih melanjutkan pengajian ke universiti ini. Hasil kajian menunjukkan media massa tempatan berperanan membantu membina dan memperkuatkan citra positif UKM melalui laporan-laporan berita dan rencananya. Keadaan ini mungkin mendedahkan bakal-bakal pelajar universiti kepada maklumat mengenai kecemerlangan UKM, lantaran memilih universiti itu sebagai pilihan untuk melanjutkan pengajian masing-masing. Kecemerlangan universiti ini mungkin telah membantu menaikkan nama Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang menempatkan begitu banyak institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

*Kata kunci:* Selangor, bahasa Melayu, citra, media massa, pelajar